

# Datuk Musa hendaklah sekali lagi

Oleh KHALID MOHD.

**A**PAKAH perbuatan Datuk Musa Hitam satu sabotaj terhadap kerajaan dan parti?

Persoalan ini timbul kerana beliau memilih saat ini untuk meletak jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO serta Menteri Dalam Negeri.

Saat yang dipilih menjadi perkara penting memandangkan negara sedang menghadapi berbagai masalah — kemelesetan ekonomi, ketegangan dengan PAS, krisis politik Sabah, isu BMF yang belum tahu kesudahannya, tinggalan - tinggalan Memali yang mencetuskan masalah - masalah keagamaan dan tangkapan Tan Koon Swan. Semua ini menjadi lebih kritikal kerana negara sedang menuju ke arah pilihanraya.

Datuk Musa sendiri sedar tindakannya mungkin dikecam kerana ia menyusahkan UMNO, para pemimpin serta para pengikutnya.

Jika apa yang dibuat oleh Datuk Musa dilihat oleh ahli-ahli UMNO dan rakyat sebagai sabotaj atau pengkhianatan, nescaya beliau tidak akan disukai lagi dan keputingannya tidak dikehendaki.

Tapi yang jelas sehingga ini belum ada siapa atau mana-mana pihakpun, baik di dalam mahupun di luar UMNO yang mahu perletakan jawatan Datuk Musa diterima saja.

Bagi Datuk Musa, apa yang mungkin dikira satu pengkhianatan sesungguhnya adalah satu pengorbanan besar di pihak beliau. Beliau sanggup menggadai masa depan politiknya pada waktu orang melihatnya sebagai "the natural choice" untuk menggantikan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO.

Baginya, keputusan untuk meletak jawatan sudah tentu satu keputusan yang berat dan sukar. Akan tetapi keputusan ini mungkin juga satu pencapaian yang amat besar, mungkin yang paling besar dalam karier politiknya yang gemilang setakat ini.

Apakah masalah - masalah yang dihadapi hingga Datuk Musa bertindak dengan begitu drastik? Beliau meluahkan kepada Datuk Sri Dr. Mahathir dalam sepucuk surat sepanjang tujuh muka. Sebahagian daripadanya sebabnya sudahpun terbit dalam akhbar - akhbar. Antaranya:

- Datuk Musa tidak dapat meneruskan prinsip - prinsipnya dalam menjalankan tugas.
- Beliau merasa komitmennya telah merosot kerana tidak lagi dipercayai.
- Dalam keadaan ini, setiap tindak - tanduknya akan dipersoalkan; beliau mungkin dituduh bertindak untuk kepentingan politiknya.
- Datuk Musa percaya beliau adalah yang dimaksudkan oleh beberapa pemimpin atasan UMNO sebagai orang yang cuba memecah - belahkan dan menjauhkan kerajaan.

berkorban

• Tohmah - tohmah ini meletakkannya dalam keadaan serba salah; semua yang dibuatnya akan disalahtafsir.

• Datuk Musa percaya perletakan jawatannya akan membolehkan Datuk Sri Dr. Mahathir mencari pengganti yang beliau percaya penuh.

Di samping sebab - sebab ini, Datuk Musa juga dikatakan jelak dengan politik wang dan penyalahgunaan kuasa bagi kepentingan politik yang didakwanya berlaku dalam UMNO sekarang.

Soalan yang perlu dibangkitkan sekarang ialah apakah alasan - alasan ini sudah cukup kuat untuk menyokong tindakan Datuk Musa meletakkan jawatan - jawatannya.

Meskipun tindakan Datuk Musa dianggap berani, namun terdapat pandangan lain yang menganggap tindakan itu sebagai suatu jalan mudah untuk keluar dari keserabutan yang dihadapi. Bagi mereka yang berpegang kepada pandangan ini, Datuk Musa, sebagai ahli politik yang sudah teruji dan berkaliiber tinggi, tidak seharusnya berganjak. Sebaliknya beliau daklah memerangi keserabutan itu dari dalam.

Tindakan Datuk Musa menampakkan beliau seolah - olah sudah tidak berupaya untuk memerangi dari dalam masalah - masalah yang dihadapi. Ketidukapayaan inilah yang menjadi tandatanya. Apakah keadaan sudah seperti nasi yang telah menjadi bubur? Atau apakah halangan - halangan terlalu kuat sehingga langkah - langkah pembetulan tidak dapat dimulakan?

Setakat ini pihak Datuk Sri Dr. Mahathir belum mengeluarkan apa-apa bentuk kenyataan untuk menjelaskan secara terperinci perkara - perkara yang Datuk Musa sebutkan dalam suratnya. Bagaimanapun, Datuk Sri Dr. Mahathir khabarnya telah membacakan buat pertama kali kepada Majlis Tertinggi beber-